

Bidangkuasa

Mengenai pemastautinan, Pemohon telah memenuhi syarat yang diberikan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam MELAKA 2002 . Mahkamah berpuashati pemohon telah tinggal di dalam Negeri Melaka

Mahkamah juga mempunyai bidangkuasa mendengar kes ini seterusnya memutuskan kes ini berdasarkan. **Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002** memperuntukan:-

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri MELAKA dan bagi semua Orang Islam yang bermastautin dalam negeri MELAKA tetapi tinggal di luar Negeri Melaka.

lanya jelas bahawa permohonan ini memenuhi kehendak Seksyen 45 (1) (C) EUUKINM 2002 yang hanya memerlukan pemastautinan satu pihak sahaja adalah di negeri Melaka . Seksyen 2 EUUKINM memperuntukkan “**bermastautin**” ertinya *tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu.*

Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX (1994) 9 bhg 1 J.H 16** Mahkamah Rayuan Syariah Selangor telah menyatakan bahawa perkataan mastautin seperti yang terdapat dalam Seksyen 2 enakmen tersebut hanya mensyaratkan seseorang itu tinggal tetap dalam suatu kawasan atau pada lazimnya tinggal di sesuatu kawasan, tidak disyaratkan hendaklah menjadi rakyat negeri di dalam kawasan ia berada. Berdasarkan peruntukan **Seksyen 50 (2) (b) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam NEGERI MELAKA 2002** yang menyatakan bahawa *Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dalam bidangkuasa Mal, mendengar, dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi dibenarkan mendengar dan memutuskannya dalam mana jumlah atau nilai hal perkara yang*

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

dipertikaikan tidak melebihi seratus ribu ringgit atau yang tidak dapat di anggarkan dengan wang.

Mahkamah merujuk pula **Seksyen 50 (2) (b)** telah memperuntukkan:-

Mahkamah Rendah Syariah hendaklah

(b) *dalam bidangkuasa Mal mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan :*

i- *pertunangan, perkahwinan, **perceraian**, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);*

ii- *.....*

Mahkamah juga suka pandangan ulama Islam berhubung dengan isu bidangkuasa mahkamah, diantara tokoh ulam yang terkemuka yang membicarakan tentang perkara ini al-Imam al-Mawardi didalam kitabnya “ al-Ahkam al-Sultaniyah “ hlm 72 ada menyebut :

وإن كانت ولايته خاصة فهي منعقدة على خصوصها ومقصورة النظر على ما تضمنته

Jika bidang kuasa yang diberikan kepada Qadhi itu khusus maka ia terikat kepada bidang kuasanya sahaja.

Di dalam kitab “ (*سلطة ولي الأمر في تقييد سلطة القاضي*) “ karangan Dr Muhammad bin Abdullah bin Muhammad al-Marzuki hlm 146 ada menyebut :

Kata Imam Ibnu Farhun :

وينفرد القضاة في بعض البلاد بخطة المناكح فيولاها على حدة

Sesetengah Negeri, Para Hakim hanya diberi kuasa untuk mendengar dan membicarakan kes-kes yang berhubung kait dengan urusan Nikah kahwin sahaja.

Begitu juga Imam as-Syirazi ada menyebut didalam kitabnya “ *al- Muhazzab fi Fiqh al-Imam as-Syafie*) jld 5 hlm 377 cetakan Dar-al-Qalam Damsyik dan As-Syeikh Sulaiman al-Jamal didalam kitab “ *Hasyiah Sulaiman al-Jamal* ” jld5 ,hlm 232, dan Dr Muhammad al-Marzuki didalam kitab “*Sultah Wali al-Amr Fi Taqiid Sultah al-Qadhi*” hlm110 ada menyebut :

و لا يجوز أن يقضي و لا يولى و لا يسمع البينة و لا يكاتب قاضيا في حكم في غير عمله ، فإن فعل شيئا من ذلك في غير عمله لم يعتد به ، لأنه لا ولاية له في غير عمله

Tidak boleh bagi seorang Hakim memutuskan satu-satu hukuman atau melantik seseorang mengendalikan kes atau mendengar keterangan saksi , atau mengirimkan surat diwilayah hakim lain yang bukan dibawah bidang kuasanya, jika hakim melakukan salah satu daripada perkara tersebut maka hukumnya tidak sah.

Ini adalah kerana dia tidak mempunyai bidangkuasa pada yang lain daripada wilayahnya.

Berdasarkan daripada keterangan pihak pemohon pertama dan pemohon kedua, mahkamah berpandangan bahawa keterangan mereka adalah konsisten diantara satu sama lain.

Justeru itu mahkamah menerima segala keterangan tersebut kerana tidak terdapat sebarang kekeliruan .

KETERANGAN SAKSI

Pemohon pertama dan pemohon kedua hanya berjaya membawa seorang saksi sahaja bagi mengesahkan dakwaan mereka berdua bahawa mereka sudah diijab

qabulkan di wilayah Pattani selatan Thailand pada bertarikh 30 hb .Januari 2009
M bersamaan 03hb.Safar 1430 H.

Saksi tersebut ketika memberi keterangan menyatakan kepada mahkamah bahawa pemohon kedua merupakan adik ipar beliau manakala pemohon pertama ialah Biras beliau.

Saksi ketika memberi keterangan menyatakan bahawa beliau hadir ketika majlis akad nikah dijalankan dan beliau kenal dengan imam juru nikah tetapi tidak dengan saksi nikah yang pertama sebab beliau adalah orang luar dari kampung pemohon kedua.

Dalam menentukan pernikahan diantara pemohon pertama dengan pemohon kedua samaada sah atau tidak mengikut hukum syarak , mahkamah telah merujuk didalam kitab “ تنوير القلوب في معاملة علام الغيوب ” Karangan as-syeikh Muhammad Amin al-Kurdiy hlm 312 ‘ didalam kitabnya ada menyebut bahawa tentang rukun nikah iaitu:

Rukun Nikah ada lima rukun:

1) Suami

Disyaratkan bahawa adalah ia

- Beragama islam
- Bukan mahramnya
- Ikhtiar suami bukan dasar paksaan
- Mengetahui nama isteri ,nasabnya , diri tubuh isteri

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- Seorang lelaki tulen

2) Isteri

Disyaratkan bahawa adalah ia :

- Bahawa ia bukan mahram kepada suami
- Bahawa perempuan tersebut tertentu
- Sunyi daripada Iddah
- Bukan isteri orang
- Perempuan yang asli
- Islam atau ahli kitab yang diiktiraf oleh syara'

3) Wali

Disyaratkan bahawa adalah ia:

- Seorang yang Islam
- Tidak fasiq
- Atas kerelaan sendiri menjadi wali bukan paksaan
- Baligh
- Berakal
- Merdeka bukan seorang hamba abdi
- Seorang lelaki yang tulen
- Tidak dalam keadaan ihram

4) Dua orang saksi

Disyaratkan bahawa adalah ia:-

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Lelaki
- Mendengar
- Melihat
- Boleh bertutur
- Mengetahui bahasa lelaki (suami) dan wali nikah
- Seorang yang adil

5) Sighah

Disyaratkan bahawa adalah ia:

- Ijab iaitu berkata wali (Aku nikahkan dikau atau aku kahwinkan dikau.....)
- Qabul iaitu berkata suami (Aku terima nikahnya.....)

Jelas menunjukkan bahawa syarat-syarat tersebut tidak dipenuhi

Timbul isu ,

Adakah walinya ada menyerahkan wakil wali kepada juru nikah ?

Merujuk di dalam kitab:

“ مشكاة المصابيح في شرح العدة والسلاح في أحكام النكاح ” karangan al-Syeikh Muhammad Ibnu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy, hlm 169 , cetakan Dar Ibnu Hazam Beirut Lebanon , ada menyebut :

ولأب والجد المجبرين التوكيل في تزويج البكر بغير إذنها ، إن كانت بالغة

Wali Mujbir iaitu (Bapa dan Datuk) boleh mewakili wali kepada sesiapa yang layak pada menikahkan anak daranya yang sudah baligh tanpa perlu mendapat keizinan daripada anaknya itu.

Dalam kes dihadapan saya ini pemohon kedua masih ada wali ketika beliau bernikah dengan pemohon pertama .Wali pemohon kedua ialah bapa kandung sendiri.Wali perempuan telah mewakili wali kepada juru nikah yang bernama Imam Hj Abdul rahman atau lebih dikenali dengan panggilan Paksu man . Juru nikah adalah imam yang bertauliah untuk menikahkan pasangan lelaki dan perempuan islam.

WAKIL WALI

Mahkamah merujuk didalam kitab

“ مشكاة المصابيح في شرح العدة والسلاح في أحكام النكاح ” karangan al-Syeikh Muhammad Ibnu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy, hlm 169 , cetakan Dar Ibnu Hazam Beirut Lebanon , ada menyebut :

ولأب والجد المجبرين التوكيل في تزويج البكر بغير إذنها ، إن كانت بالغة

Wali Mujbir iaitu (Bapa dan Datuk) boleh mewakili wali kepada sesiapa yang layak pada menikahkan anak daranya yang sudah baligh tanpa perlu mendapat keizinan daripada anaknya itu.

Mahkamah suka merujuk juga didalam kitab

“ مشكاة المصابيح في شرح العدة والسلاح في أحكام النكاح ” karangan al-Syeikh Muhammad Ibnu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy, hlm 198 , cetakan Dar Ibnu Hazam Beirut Lebanon , ada menyebut

فإن كانت الثيب عاقلة لم يجز لأحد تزويجها ولو أبا أو جدا إلا بإذنها بعد البلوغ

لخبر مسلم : الثيب أحق بنفسها من وليها

وإنها النطق الصريح ، ولأنها مارست الرجال بالوطء ، ولو أذنت بلفظ الوكالة كقولها : وكنتك بتزويجي

Maka jika sekiranya ia seorang janda yang sudah berakal , maka tidak harus sesiapa pun menikahkannya melainkan sudah mendapat keizinannya sekalipun bapa atau datuknya, ini berdasarkan hadis nabi s.aw :

الثيب أحق بنفسها من وليها

Janda adalah terlebih berhak keatas dirinya daripada bapanya sendiri

Riwayat imam Muslim

Daripada keterangan daripada pemohon pertama dan pemohon kedua dan saksi p(1) bahawa pemohon kedua ketika akad nikah dijalankan adalah seorang

JANDA

Pemohon kedua ketika memberi keterangan dihadapan hakim bicara menyatakan bahawa beliau dengan rela hati setuju berkahwin dengan pemohon pertama.

ADAKAH IQRAR PEMOHON BOLEH DITERIMA

Menurut as-Syeikh Ibnu Muflih ulama dikalangan mazhab Hambali mendefinisikan iqrar seperti berikut:

هو إظهار الحق لفظاً أو كتابة أو إشارة

Iqrar ialah menyatakan sesuatu hak samada secara lafaz atau tulisan atau berbentuk isyarat.

Manakala al-Syeikh Ahmad al-Dardir ulama dikalangan mazhab Maliki pula mendefinisikan iqrar ialah:

الإعتراف بما يوجب حقاً على قائله بشرطه

Iqrar ialah pengakuan dengan sesuatu yang mensabitkan hak keatas pengaku dengan syarat-syaratnya.

Menurut Imam al-Marghainaniy didalam kitabnya “al-Hidayah “ dan Imam al-Babartiy didalam kitabnya “ Syarhu usul al-Bardawiy merupa ulama yang tersohor dikalangan mazhab Hanafi mentakrifkan iqrar ialah :

الإقرار هو : عبارة عن إخبار عن ثبوت الحق

Iqrar ialah satu pengakuan terhadap kesabitan sesuatu hak

DALIL IQRAR

1. Al-Quran

(يأيها الذين آمنوا كونوا قوامين بالقسط شهداء لله ولو على أنفسكم)

(135

) النساء

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

“ Wahai orang –orang yan berimanJadilah kamu sekalian golongan yang menegakkan keadilan,menjadi saksi kerana Alllah ,walaupun keatas diri kamu sendiri

(an-Nisa' :135)

Berkata Abdullah Ibnu Abbas maksud ayat diatas ialah

أمرُوا أَنْ يَقُولُوا الْحَقَّ وَلَوْ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ

Mereka disuruh berkata yang hak sekali pun kena keatas diri mereka.

2. As-Sunnah

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:

أغد يا أنيس إلى امرأة هذا ، فإن إعترفت فارجمها

رواه الإمام البخاري ومسلم

Sabda Rasulullah s.a.w

Maksudnya

“Wahai Unais! Segeralah pergi kepada wanita itu dan bertanyalah kepadanya sekiranya ia mengaku maka rejamlah dia”

Riwayat imam al-Bukhari dan Imam Muslim

3. Al-Qias

Menurut didalam kitab “ الفقه الشافعي الميسر ” karangan Prof.Dr Wahbah az-Zuhailiy , hlm 570 jilid 2 ,cetakan Dar al-Fikr tahun 2008 ada menyebutkan :

لأننا إذا قبلنا الشهادة على الإقرار ، فلأن نقبل الإقرار أولى

Apabila kesaksian (الشهادة) kita terima atas kerana iqrar, maka kita menerima iqrar pada mensabitkan satu-satu hukum adalah terlebih utama (أولى)

4. Ijmak

Didalam kitab “ Mughni al-Muhtaj ” oleh as-syeikh Khatib as-Syirbini, jld 2 , hlmn 238 ada menyebutkan :

فقد إتفقت كلمة الفقهاء على الإقرار حجة على المقر

Telah sepakat para ulama feqah atas bahawasanya iqrar adalah hujjah yang mengikat keatas المقر

5. المعقول (Dalil akal)

Menurut didalam kitab “ الوجير في الدعوى والإثبات في الشريعة الإسلامية ” oleh Dr Syaukat ‘Iyan (الدكتور شوكت عليان) hlm 49, cetakan Dar al-Rasyid li an-Nasyr Wa al-Tauzi’ ,thn 1980 ada menyebutkan :

جاء في المبسوط للسرخسي ج 17 ص 184-185 (إن الإقرار خبر محتمل متردد بين الصدق والكذب ، فكان

محتملا باعتبار ظاهره . والمحتمل لا يكون حجة ولكنه جعل حجة بدليل معقول . وهو انه ظهر رجحان جانب

الصدق على جانب الكذب فيه . لأنه غير متهم فيما يقر به على نفسه . ففي حق الغير ربما تحمله النفس الإمارة لا

تحمله على الإقرار به كاذبا ، وربما تمنعه عن الإقرار بالصدق . وفي حق نفسه النفس الأمانة بالسوء لا تحمله على

الإقرار بالكذب . وربما لا تمنعه عن الإقرار بالصدق .

فلظهور دليل الصدق فيما يقر به على نفسه ، جعل إقراره حجة .

وإليه إشارة الله تعالى في قوله (بل الإنسان على نفسه بصيرة)

قال ابن عباس أي – شاهد بالحق .

Didalam kitab (المبسوط) karangan Imam السرخسي , jld 17 hlm 184185 ada menyebut :

“ Sesungguhnya iqrar adalah satu pengkhabaran yang wujud kebarangkalian padanya samaada benar atau dusta Jika ditilik dari sudut zahir lafaz yang diucapkan maka ia hanya merupakan satu andaian sahaja .

Setiap yang محتمل tidak boleh dijadikan sandaran hukum, tetapi iqrar itu boleh dijadikan sebagai hujjah pada pensabitan hukum dengan kaedah dalil ‘aqli (معقول) sahaja .

Oleh kerana itu ,iqrar dari sudut kebenaran adalah lebih jelas daripada kedustaan pada perkara yang di iqrarkan .Ini adalah kerana tidak wujud tohmahan kepada pengaku keatas iqrar yang dilafazkan terhadap dirinya.

Sebaliknya jika membabitkan hak orang lain , ada kemungkinan nafsu amarah mendorong bercakap dusta dan juga menghalangnya bercakap benar.

Manakala jika ia membabitkan hak pada dirinya sendiri , ketika itu nafsu amarah tidak mendorongnya bercakap dusta dan tidak menghalangnya bercakap benar.

Maka kerana kebenaran adalah lebih jelas ketas diri pengaku , oleh sebab itu iqrar dijadikan satu hujjah pada pensabitan hukum syarak.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Ini adalah berlandaskan Firman Allah Taala:

بل الإنسان على نفسه بصيرة

“Bahkan manusia itu menjadi saksi terhadap dirinya sendiri ”

Surah al-Qiyamah ayat : 14

Kata Ibnu Abbas رضى الله عنهما : Maksud ayat diatas ialah “ pengaku itu ialah sebagai saksi bagi kebenaran terhadap dirinya sendiri ”

Kaedah feqhiyyah

Didalam kitab “ الوجيز في إيضاح قواعد الفقه الكلية ” karangan as-syeikh Dr .Muhammad Sidqi al-Borno , hlm 353 , cetakn Muassasah al-Risalah Beirut Lebanon , cetakan 2002M-1422H ada mngemukan kaedah feqhiyyah:

إقرار الإنسان على نفسه مقبول

Pengakuan yang dibuat oleh seseorang keatas dirinya sendiri adalah diterima

Peruntukan undang-Undang

Kerana Mahkamah ada bidangkuasa dalam kes ini ,
Mahkamah merujuk kepada sek .17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002 memperuntukan:

- 1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang ,secara bertulis atau lisan atau isyarat menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

tanggung terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak

2) *Sesuatu iqrar hendaklah dibuat:*

a) di dalam Mahkamah ,di hadapan Hakim

BOLEHKAH MAHKAMAH MENERIMA DAKWAAN PEMOHON?

Al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati (meninggal tahun 1300 Hijrah) didalam kitabnya “ إعانة الطالبين ” halaman 508-509 ,jld 4 cetakan al-Maktabah al-Taufiqiyyah Mesir ada menyebut:

1- أن تكون مفصلة بأن يفصل المدعي ما يدعيه

1) Dakwaan seseorang yang mendakwa itu hendaklah terang

2- أن تكون ملزمة للمدعي عليه

2) Yang kena dakwa terikat dengan dakwaan

3- أن يعين المدعى عليه

3) Hendaklah ditentukan orang kena dakwa

4- أن لا تناقضها دعوى أخرى

4) Dakwaan yang dibuat tidak bercanggah dengan dakwaan yang lain

5- أن يكون كل من المدعي والمدعى عليه مكلفا

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

- 5) Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa atau kena dakwa adalah mukallaf

6- أن يكون كل منهما ملتزما للأحكام

- 6) Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa dan orang yang kena dakwa terikat dengan hukum.

Berdasarkan syarak dakwaan diatas, mahkamah berpuashati bahawa pemohon telah memenuhi syarat-syarat dakwaan itudan telah disokong dengan pembuktian dokumen.

ADAKAH PEMBUKTIAN DOKUMENTAR BOLEH DITERIMA

Pembuktian dengan dokumen sebagai satu keterangan yang membuktikan ketulinan satu-satu kes boleh diterima ,ini adalah berdasarkan :

1-Dalil Al-Quran:

Firman Allah Taala:

يأيتهاالذين آمنوا إذا تداينتم بدين إلى أجل مسمى فاكتبوه

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman , apabila kamu bermuamalah secara tidak tunai untuk waktu yang ditentukan , hendaklah kamu menulisnya

Surah al-Baqarah :282

Firman Allah Taala:

والذين يبتغون الكتاب مما ملكت أيمانكم فكتبوهم إن علمتم فيهم خيرا

Maksudnya: Dan budak-budak (hamba) yang kamu miliki yang menginginkan perjanjian hendaklah kamu tuliskan perjanjian mereka , jika kamu mengetahui ada kebaikan kepada mereka

Surah an-Nur:33

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

2-Hadis:

Telah diriwayatkan oleh al-Dahhak bin Sufyan

كتب إلي رسول الله (ص) أن ورث امرأة أشيم الضبابي من دية زوجها

Al-Dahhak menyatakan: Rasulullah s.aw telah menulis kepadaku supaya isteri Ashyam al-Dababi mewarisi diyyah suaminya

Hadis Nabi s.a.w :

عن عبد الله بن عمر رضى الله عنه : أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال :
ما حق إمريء مسلم له شئ يريد ان يوصي فيه بيت ليلتين إلا ووصيته مكتوبة عنده .

رواه مسلم

Dari Abdullah bin Umar katanya : Bahawa adalah baginda Rasulullah s.a.w bersabda “ Tidak tidur seorang muslim itu pada waktu malamnya melainkan ia sudah menulis wasiat disisinya”

Riwayat Imam Muslim

Berdasarkan Hadis diatas Kata Imam Ibnu Qaiyyim :

" لو لم يجز الإعتماد على الخط لم تكن لكتابه وصيته فائدة

“ Sekiranya tidak boleh berpegang kepada tulisan sebagai bahan pembuktian sudah tentu perintah Rasulullah s.aw menulis wasiat sebelum tidur tidak memberi faedah “

3-Amalan Para Sahabat :

Begitu juga amalan para al-Khulafa al-Rashidin , diataranya Surat Saidina Umar kepada Abu Musa al-Asharari dan Surat Ali kepada Abdullah bin Abbas

Mahkamah juga merujuk didalam kitab “Majallah al-Ahkam ‘Adliah “ Madah 69 yang memperuntukkan bahawa tulisan adalah salah satu cara pembuktian

Sebagaimana didalam Madah:

الكتاب كالخطاب

“ Tulisan itu seperti percakapan”

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Pembuktian dengan Dokumentar adalah tidak bercanggah dengan hukum syara' sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Dr. Said abin Darwis didalam kitabnya (طرائق الحكم المتفق عليها والمختلف فيها في الشريعة الإسلامية) mukasurat 286 sebagaimana katanya:

قد ثبت العمل بالخط بالأدلة المتكاثرة من الكتاب والسنة والإجماع

Sesungguhnya telah sabit boleh berpegang dalam pembuktian dengan tulisan kerana ia sabit dengan al-quran ;al-hadis dan Ijma' para ulama

Begitu juga didalam kitab ““ بغية المسترشدين ” karangan as-Saiyyid Abdul Rahman Ibnu Muhammad Ibnu al-Husain , halaman 341 menyebut:

و حكى عن الحسن وسوار القاضي وعبد الله العنبري أن للقاضي إذا كان يعرف خط الكاتب وختمه ، له أن يقبله
Pandangan ini dipetik daripada Imam Hassan dan Shuwar al-Qadhi dan Abdullah al-Anbariy , mereka berpendapat bahawa seorang Qadhi boleh menerima pembuktian Dokumentar sekira ia kenal tulisan dan cop rasmi didalam dokumen tersebut.

Berdasarkan dalil-dalil di atas, maka mahkamah telah memerintah pihak pemohon bersumpah iaitu Sumpah muddaei dengan seorang saksi sebagai mengukuhkan lagi dakwaannya, dengan sumpah yang telah diambil oleh pihak pemohon serta keterangannya dan pembuktian- pembuktian dokumen , Mahkamah berpuas hati dan berkeyakinan untuk memberi keputusan

Di atas keterangan dan sumpah muddaei dengan seorang saksi tersebut maka mahkamah berpuas hati ,maka dengan ini Mahkamah perintahkan seperti berikut:-

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

1. Mahkamah sabit bahawa pernikahan diantara **XXXXXX** (**NO.KP: 87XXXX-04-XXXX**) dengan **XXXXXX** (**NO. Pasport : X-XXXX-XXXX-XX-X**) yang dilangsungkan di No 94 Tempat 5 Mukim Pulokpuyo , Daerah Nongchik , Wilayah Pattani , Selatan Thailand bertarih 30 hb .Januari 2009 M bersamaan 03hb.Safar 1430 H adalah sah mengikut hukum syarak.
2. Mahkamah perintahkan JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA mengiktiraf pernikahan diantara pemohon (1) dengan pemohon (2)

HAKIM

.....
(TUAN HAJI SHUKERI NAJIB BIN AB.RAHIM)

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**